

# Laporan Masjid Khadijah

Oleh  
Mohamed Haji Ali  
Pengurus Masjid Khadijah

Tahun 2003 merupakan tahun yang bersejarah dalam urutan sejarah Masjid Khadijah. Ia merupakan tahun siapnya bangunan Masjid Khadijah yang telah sekian lama dinantikan oleh masyarakat Islam, khususnya jemaah masjid ini yang telah bekerja keras dan berganding bahu mencari dana untuk tujuan memperbaiki bangunan lamanya serta membangunkan dua bangunan tambahan bersebelahannya.

Dalam kesibukan Masjid Khadijah menjalani proses pembangunan semula, ia masih dapat meneruskan aktiviti dan programnya seperti biasa, umpamanya menjalankan solat lima waktu, solat Jumaat, solat Tarawih dan aktiviti-aktiviti ibadah dan pendidikan lain, seperti mencari dana untuk program dakwah, pendidikan dan kemasyarakatan.

Dengan siapnya bangunan masjid yang diubahelok dan terdirinya dua bangunan tambahan yang baru, Alhamdulillah, Masjid

Khadijah telah pun menjalankan aktiviti dan programnya di bangunan yang baru.

Sejak awal tahun ini, setelah upacara Perasmian Bangunan Tambahan yang dirasmikan Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong, Masjid Khadijah telah menempatkan segala programnya di bangunan auditorium dan bilik-bilik darjahnya.

Antara acara yang dijalankan ialah Perayaan Maulid Nabi *saw*, ceramah-ceramah, kelas bimbingan Al-Quran dan juga madrasah mingguan yang dikelolakan Pertapis pada setiap hari Ahad. Di samping itu, Masjid Khadijah juga menerima tetamu dari pelbagai pertubuhan, termasuk organisasi bukan Islam, masjid-masjid setempat dan para ulama dari luar negeri.

## PERAYAAN MAULID NABI SAW

Perayaan Maulid Nabi *saw* tahun ini diadakan pada Ahad, 18 Mei lalu di auditorium di bangunan baru dan dianjurkan dengan kerjasama Jemaah Tariqah Qadiriyyah Naqsyabandiyah, Pondok Pesantren